

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN PERKAMPUNGAN PUTERI 2001 SEMPERNA HARI PUTERI  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
Lokasi : UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM, SELANGOR  
Tarikh : 10-11-2001

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat kita bersama di bandar Anggerik ini, untuk berhimpun di perkampungan Puteri 2001, sempena Hari Puteri Peringkat Kebangsaan.

2. Saya merakamkan tahniah, di atas usaha pergerakan Puteri Islam Malaysia, khususnya Pergerakan Puteri Islam Malaysia Perhubungan Negeri Selangor, selaku Jawatankuasa Pengelola Perkampungan Puteri 2001 ini. Saya percaya perkampungan ini akan memetrikkan silaturrahim, dikalangan Puteri-puteri dan pemimpin- pemimpin. Malahan, di kesempatan inilah, kemampuan dan kemahiran Puteri akan diuji melalui pelbagai aktiviti yang mencabar.

3. Perkampungan Puteri ini juga diharapkan dapat memupuk sifat-sifat kepimpinan ke arah melahirkan Puteri-puteri yang berketrampilan dan berwibawa. Hanya dengan menghadapi dan menangani cabaran sahalalah, yang memungkinkan para Puteri berjaja besar serta menampilkan- kan watak yang meyakinkan, berani dan gigih.

4. Apabila takbir 2001 berlabuh kelak, kita hadapi tahun 2002 dengan mewujudkan transisi pemikiran Puteri dengan arah tuju yang lebih bermakna. Saya menyarankan agar Puteri-puteri merebut apa jua peluang yang disediakan oleh sekolah khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia dengan melaksanakan aktiviti yang memberangsangkan dan berfaedah. Ini akan membuat Puteri berfikir secara kreatif. Pembelajaran yang bersifat situasi seperti yang disarankan dalam kurikulum dan ko kurikulum sekolah akan menjadikan Puteri berdikari, lebih tertumpu dan bersasaran. Puteri akan lebih maju dari aspek ketepatan, ketelitian dan boleh menterjemah- kan maklumat kepada rakan Puteri yang lain. Saya percaya ramai lagi rakan-rakan yang tidak berkesempatan untuk menyertai perkampungan ini. Oleh itu, pengalaman dan kemahiran yang diperolehi sepanjang perkhemahan seharusnya dikongsi bersama dengan rakan-rakan Puteri yang lain.

5. Sebagai langkah mempersiapkan diri ke arah membina "Puteri Cergas Generasi Gemilang" seperti saranan tema Hari Puteri tahun ini, wajarlah Puteri-puteri sekalian mendisiplinkan diri, jiwa dan mental, sesuai dengan potensi dan kemampuan fizikal, intelek, emosi dan rohani untuk menjadi Puteri yang cemerlang bagi mewarisi generasi yang gemilang. Para Puteri sekalian perlu mempunyai pengurusan peribadi yang berkesan.

Puteri-puteri juga perlu bijak mengatur diri dengan menyediakan jadual yang sistematik dan mengenalpasti keutamaan-keutamaan sebelum mengambil sesuatu tindakan. Untuk menjana kecemerlangan diri pula Puteri mesti berkemampuan untuk berkomunikasi dengan berkesan serta bersedia untuk menerima dan menghadapi sebarang masalah dan seterusnya mampu menyelesaikannya. Di samping itu, Puteri perlu berupaya memilih dan membuat keputusan yang bermoral serta mampu menghadapi risiko dan persaingan bagi membuktikan ketahanan diri, bangsa dan negara. Ketahanan bangsa dan negara terletak kepada kekuatan ilmu, budaya tinggi, budaya saintifik dan kematangan Puteri-puteri sekalian.

6. Perkampungan generasi Puteri yang cemerlang dan berkualiti serta mampu berhadapan dengan realiti- realiti baru pada abad milenium ini pastilah memerlukan persekitaran yang sesuai dan kondusif agar perkembangan watak dan peribadi yang kuat mampu terbina. Pada masa yang sama Puteri-puteri sekalian perlu juga memenuhi elemen membudayakan ilmu kerana ia amat penting dalam kehidupan seharian kita. Dengan adanya ilmu ia akan mengangkat martabat generasi muda ke tempat yang sewajarnya. Dalam mengharungi pelbagai cabaran, para Puteri jangan lupa, jangan lalai dan jangan bongkak. Puteri-puteri perlu menanamkan sifat rendah diri, rajin berusaha mencari ilmu, suka bertanya dan juga bersifat suka merujuk dan mengenali sumber yang berwibawa agar ilmu yang diperolehi mampu mencanai pemikiran yang objektif dan tidak tersasar daripada landasan kebenaran.

7. Hari ini kita berhadapan dengan perubahan dalam masyarakat terutama di kalangan remaja Puteri. Kita sedang berada di persimpangan era globalisasi dan ledakan Teknologi Maklumat. Oleh itu, kita perlu renungi bersama bagaimanakah respons kita terhadap perkembangan suasana masa kini. Di sinilah Puteri-puteri perlu menunjukkan kepekaan dengan cara memilih dan menyaring segala maklumat yang diterima bagi mengelakkan kita terperangkap dalam krisis nilai dan jatidiri. Insya-Allah, bertunjangkan kekuatan agama dan moral, saya percaya ahli-ahli Puteri akan berupaya berfungsi sebagai pencetus dan penggerak perubahan. Saya yakin Puteri-puteri sekalian mampu melakukan pembaharuan terhadap pembangunan PPIM yang memerlukan wawasan baru dengan mewujudkan transisi pemikiran Puteri ke arah halatuju yang lebih konkrit dan berkesan.

8. Saya juga ingin menasihatkan agar Puteri-puteri sekalian mengamalkan budaya prihatin terhadap sesama manusia termasuklah semangat kejiranan, toleransi dan saling hormat menghormati. Saya yakin warisan budaya timur yang murni akan mampu mencetuskan suatu kekuatan baru kepada generasi muda untuk bangun sebagai masyarakat berbudaya dan bermoral.

9. Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang menjayakan perkampungan ini. Semoga semua ahli Puteri sekalian memperolehi manfaat dengan ilmu dan kemahiran yang dicurahkan di sepanjang perkampungan ini.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya merasmikan "Perkampungan Puteri 2001 Sempena Hari Puteri Peringkat Kebangsaan".